

18/05/1997

Jawatan Pemangku bukanlah perkara luar biasa

A Nazri Abdullah

SEMUA pihak mengalu-alukan langkah Bank Negara Malaysia mengehendkan kadar pinjaman untuk hartanah dan pembelian saham. Untuk jangka masa panjang, langkah ini menjamin kestabilan pasaran hartanah dan saham, dan sedikit sebanyak dapat mengurangkan spekulasi pasaran yang kadang kala tidak masuk akal. Kurangnya kecairan untuk manipulasi di pasaran hartanah dan saham bermakna kurangnya jumlah pelabur yang melabur berasaskan sentimen dan spekulasi. Secara tidak langsung langkah Bank Negara ini juga mahu mengajak masyarakat pelabur supaya melabur berasaskan fundamental syarikat, bukannya berdasarkan khabar angin dan spekulasi.

Walaupun matlamatnya baik, pelabur dan pengurus dana yang lahap mengaut keuntungan jangka pendek tidak menyukai langkah ini. Kemosrotan pasaran saham kebelakangan ini dikatakan berpunca daripada tindakan pengurus dana asing yang bertindak meninggalkan pasaran bagi mengaut keuntungan hasil pelaburan mereka tahun lalu. Pasaran saham di seluruh dunia sentiasa turun naik, dan pelabur asing yang memiliki dana yang banyak bolehlah diibaratkan seperti lebah yang akan berarak ke sana ke mari di mana saja ada madu. Memandangkan pasaran saham di negara-negara lain juga mengalami suasana muram, kita yakin sedikit masa lagi pelabur asing akan kembali ke Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Turun naiknya indeks BSKL juga seringkali dikaitkan dengan pelbagai khabar angin yang tidak henti-henti bertiup di sekitar Kuala Lumpur. Pelbagai ramalan, spekulasi dan khabar angin disebarkan ekoran daripada pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bercuti selama dua bulan. Walaupun Perdana Menteri menerangkan tujuannya bercuti tidak kena mengena dengan kesihatannya, dan setiap hari kita dapat melihat Perdana Menteri bekejar ke sana ke mari menjalankan tugasnya, namun ramai daripada kita lebih gemar mempercayai khabar angin daripada kenyataan.

Pelantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Pemangku Perdana Menteri dan Pemangku Presiden Umno juga tidak kurang dispekulasikan oleh pihak yang tidak suka melihat ketenteraman politik Malaysia. Seringkali spekulasi mengenai hubungan Perdana Menteri dan Timbalannya datang dari Singapura. Sama ada khabar angin itu memang dicipta oleh anasir-anasir asing di Singapura yang cemburu dengan kejayaan Malaysia atau pun disampaikan oleh pihak-pihak tertentu di Malaysia kepada konco mereka di sana, ia sudah menjadi semacam satu fesyen iaitu Singapura adalah tempat bermulanya segala ramalan dan spekulasi buruk mengenai politik Malaysia.

Sebenarnya tidak ada apa-apa yang luar biasa mengenai pelantikan Anwar sebagai Pemangku Perdana Menteri kerana sebelum ini pun Dr Mahathir pernah melantik Timbalannya sebagai pemangku. Cuma mungkin kali ini masanya agak panjang iaitu selama dua bulan. Yang belum pernah dibuat oleh Dr Mahathir ialah melantik Pemangku Presiden Umno. Inilah kali pertama Dr Mahathir melantik Timbalan Presiden Parti memangku jawatan Presiden Umno. Kalau pun ia dilihat sebagai satu keistimewaan untuk Anwar, keistimewaan ini juga bukanlah sesuatu yang luar biasa kerana Pemangku tetap akan merujuk kepada Presiden dan Perdana Menteri sebelum membuat sebarang keputusan penting yang membabitkan parti dan negara. Hal ini juga sudah dijelaskan oleh Anwar.

Ada wartawan yang bertanya Dr Mahathir apakah tindakannya ini bertujuan menguji Anwar. Pertanyaan ini sendiri berniat nakal kerana mereka cuma melihat kepada nilai-nilai buruk daripada baik. Apabila Dr Mahathir menjawab beliau tidak perlu menguji Anwar lagi kerana yakin dengan taat

setia dan kemampuannya, ada pihak yang mentafsir jawapan Dr Mahathir sebagai jawapan politik dan kononnya Perdana Menteri akan menggunakan tempoh percutiannya untuk merancang perombakan Kabinet secara besar-besaran di mana Anwar akan dipindahkan daripada Kementerian Kewangan.

Di Malaysia, ramalan mengenai rombakan Kabinet dan hubungan di antara Perdana Menteri dan Timbalannya wujud hampir setiap tahun. Walaupun ramalan itu tidak pernah tepat, rakyat dan pelabur masih mahu mempercayai khabar angin. Barangkali sebahagian besar daripada kita, termasuk orang politik sendiri belum benar-benar matang berpolitik. Kita memandang mudah soal pertukaran jawatan Perdana Menteri sedangkan jawatan itu amat penting dan memerlukan kebijaksanaan yang tinggi. Baik Dr Mahathir mahupun Anwar tidak pernah percaya kepada dakyah jahat yang membabitkan mereka kerana soal pertukaran pucuk pimpinan negara bukan sama dengan pertukaran presiden sebuah persatuan olahraga.

Untuk melahirkan seorang pemimpin yang benar-benar berwibawa memerlukan masa dan ketabahan kerana pemimpin yang lahir dengan sekelip mata boleh jatuh dengan sekelip mata. Dr Mahathir muncul sebagai pemimpin berwibawa dan menjadi seorang negarawan bukan dengan sekelip mata, tetapi selepas melalui pelbagai pahit maung menjalani liku-liku politik Umno dan negara. Dr Mahathir membawa Anwar ke pangkuan Umno mendidik dan mengasuhnya sehingga Anwar kini menjadi Timbalannya. Anwar tidak muncul dengan tiba-tiba tetapi adalah anak didik Dr Mahathir dan hubungan antara mereka tidak sama dengan hubungan di antara Dr Mahathir dengan timbalannya sebelum Anwar.

Faktor ini penting tetapi gagal dimengertikan oleh media, khususnya media asing yang sentiasa mahu menghidu bau busuk. Sebenarnya Dr Mahathir mengambil cuti panjang kerana beliau mempunyai keyakinan penuh kepada Timbalannya. Masa yang paling sesuai untuk seseorang ketua negara bercuti ialah ketika suasana aman dan negara tidak menghadapi sebarang isu besar. Kita yakin masa dua bulan adalah tempoh yang panjang dan Perdana Menteri akan pulang dengan pelbagai idea baru untuk kepentingan masa depan negara dan bangsanya.

(END)